

Hari terbuka UMP

3,000 pengunjung raih peluang dapat pelbagai maklumat selain merancang kerjaya



**LENSA
KAMPUS**

Oleh **Ruhaiza Rusmin**
ruhaizarusmin@
mediaprima.com.my

Lebih 3,000 pengunjung menghadiri hari terbuka Universiti Malaysia Pahang (UMP) di kampus Gambang, Pahang, baru-baru ini.

Program dua hari itu memberi peluang pengunjung memperoleh pelbagai maklumat seperti semakan syarat kemasukan program, penawaran program dan informasi kemasukan, selain memupuk kesedaran untuk merencanakan kerjaya masa depan.

Turut diadakan Pameran Reka Cipta dan Inovasi (CITREX) yang memamerkan hampir 200 produk dihasilkan penyelidik, pensyarah dan pelajar.



PENGUNJUNG mengambil sijil penyertaan selepas tamat program CITREX.

FOTO: LIQMAN HAKIM ZUBIR



SEORANG peserta pameran memberi penerangan kepada tetamu kehormat.



PENGUNJUNG tertarik melihat salah satu pameran yang dipamerkan.



ANTARA penyelidikan yang dipamerkan kepada pengunjung.